

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO ZAIEDI HAJI SUHAILI

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

DATO' ZAIEDI HAJI SUHAILI minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hala tuju Dasar Kabotaj Industri Maritim Negara dan sejauh mana usaha dan peranan Pihak Berkuasa Pelabuhan-Pelabuhan dan penguatkuasa kawal selia untuk meningkatkan kecekapan operasi perkapalan dan hubungan antarabangsa maritim negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Subseksyen 65L(1) Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952, semua aktiviti perkapalan domestik di perairan Malaysia perlu mempunyai Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL). Manakala pindaan terhadap Subseksyen 65KA(1) MSO 1952 pada 1 Januari 1980 telah menetapkan bahawa semua aktiviti perkapalan domestik adalah dihadkan kepada kapal Malaysia.

Walau bagaimanapun, kapal asing masih boleh beroperasi di perairan Malaysia tertakluk kepada elemen kawalan yang telah ditetapkan dalam permohonan DSL iaitu dengan syarat bahawa kapal itu telah mendapat pengesahan bahawa ketiadaan kapal Malaysia yang boleh memberikan perkhidmatan pengangkutan kargo, penumpang serta lain-lain perkhidmatan seperti perkhidmatan sokongan industri minyak dan gas. Dasar kabotaj ini masih perlu dilaksanakan bagi merancakkan usaha-usaha membina kapasiti industri perkapalan tempatan, meningkatkan keupayaan dalam sektor perkhidmatan domestik, mengurangkan kebergantungan negara kepada kapal asing serta memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin dengan mengurangkan pengoperasian kapal asing di perairan Malaysia.

Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 8 Oktober 2021 untuk mengekalkan pelaksanaan Dasar Kabotaj, Kementerian Pengangkutan telah mula melaksanakan Pelan Komunikasi berhubung Dasar Kabotaj bagi menjelaskan kepentingan pelaksanaan Dasar Kabotaj dan sekali gus mengelakkan persepsi negatif terhadap dasar tersebut. Selain itu, Kementerian Pengangkutan komited untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan meneruskan inisiatif bagi menambah baik sistem dan prosedur permohonan DSL.

Pelabuhan-pelabuhan di Malaysia terbahagi kepada tiga (3) kategori sepertimana berikut:

- a) Pelabuhan Persekutuan;
- b) Pelabuhan Negeri; dan
- c) Pelabuhan milik persendirian.

Terdapat sembilan (9) pelabuhan utama persekutuan yang ditadbir oleh Kementerian Pengangkutan melalui pihak berkuasa pelabuhan dan daripada jumlah tersebut, dua (2) pelabuhan iaitu Pelabuhan Klang dibangunkan sebagai *National Load Centre* manakala Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dikenali sebagai *transshipment hub* bagi negara. Pelabuhan negeri dikawal selia oleh Kerajaan Negeri masing-masing dan pelabuhan persendirian ditadbir urus oleh entiti persendirian.

Pelabuhan Klang dan PTP juga menduduki kedudukan 20 teratas dalam Pelabuhan Kontena Teratas Di Dunia serta telah tersenarai sejak tahun 2003. Berdasarkan statistik “World Top 50 Container Ports” yang dikeluarkan oleh World Shipping Council pada tahun 2020, Pelabuhan Klang menduduki tangga ke-12 tersibuk di dunia di dalam carta tersebut berdasarkan jumlah pengendalian kontena iaitu sebanyak 13,244,423 twenty-foot equivalent units (TEUs) manakala PTP menduduki tangga ke-15 tersibuk di dunia di dalam carta yang sama berdasarkan jumlah pengendalian kontena iaitu sebanyak 9,846,107 TEUs.

Berdasarkan laporan Bloomberg yang memetik dapatan RBC Capital Markets, Pelabuhan Klang turut tersenarai sebagai antara pelabuhan yang tercekap dalam kalangan 22 pelabuhan terbesar dan terkemuka di seluruh dunia.

Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) mencatat kejayaan apabila menjadi pelabuhan pertama di Asia Tenggara yang menerima kapal kontena terkini dan terbesar di dunia daripada *Evergreen Marine Corporation*, iaitu kapal Ever Ace sebagai sebahagian daripada pelayaran sulung kapal berkenaan di rantau ini pada 10 Oktober 2021. Sejak labuhan pertama, PTP telah mengendalikan sejumlah 47,000 TEUs daripada kapal berkenaan.

SOALAN NO. 64

Bagi meningkatkan kecekapan operasi perkapalan, Kerajaan telah melaksanakan beberapa pendekatan. Antaranya, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 28 Julai 2017 semasa menimbangankan Memorandum daripada Perdana Menteri No. M493/2017 antara lain telah bersetuju supaya kelulusan secara prinsip diberikan bagi cadangan pembesaran dermaga kontena dari terminal kontena (CT) 10 sehingga 19 di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang dilaksanakan secara kerjasama awam swasta melalui kaedah Bina Kendali Pindah (*Build Operate Transfer – BOT*). Projek cadangan pembesaran dermaga kontena oleh Westports telah bermula pada tahun 2020 dan dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2035. Projek yang akan mengambil masa selama 15 tahun ini dijangka mampu meningkatkan kapasiti pelabuhan sebanyak 15 juta TEUs dan menjadikan jumlah kapasiti keseluruhan Pelabuhan Barat sebanyak 30 juta TEUs.

Selain daripada itu, pelaburan yang besar dalam infrastruktur telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Pelabuhan bagi memastikan pelabuhan di bawah kawal selia masing-masing sentiasa cekap. Sebagai contohnya, PTP telah melaksanakan lori kontena elektrik (*electric prime mover*), di mana keperluan industri dan prestasi dapat dipenuhi dengan masa yang minimum. Penggunaan *electric prime mover* juga dapat mengurangkan risiko akibat daripada cuaca buruk dan kecuaiian semasa operasi.

Bagi membantu melancarkan operasi seharian di pelabuhan, beberapa Pihak Berkuasa Pelabuhan Persekutuan juga telah melaksanakan *single window system*, seperti PKNet di Pelabuhan Klang serta eGateway di Pelabuhan Johor (Pasir Gudang) dan PTP. Sistem tersebut bertujuan untuk mewujudkan sistem komuniti tertumpu pelabuhan dan perdagangan yang menghubungkan pemain industri utama di bawah platform yang sama.

Dalam hubungan antarabangsa maritim negara, beberapa Pihak Berkuasa Pelabuhan mengadakan kerjasama pelabuhan berkembar (*sister-port relationship*). Antaranya, *sister-port relationship* antara Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dengan Pelabuhan Kobe, Jepun dan LPK dengan Lembaga Pelabuhan Kenya.

SOALAN NO. 64

Selain daripada itu, di bawah *21st Century Maritime Silk Road*, Kementerian Pengangkutan telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan *China-Malaysia Port Alliance* (CMPA) yang merangkumi 9 pelabuhan Malaysia dengan 12 pelabuhan China, di mana Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Perikatan tersebut telah ditandatangani pada 23 November 2015. Objektif CMPA adalah untuk mewujudkan perikatan pelabuhan melalui *mutual assistance* dan *joint cooperation* khususnya dalam bidang kajian pelabuhan (*port studies*), komunikasi dan kerjasama antara kedua-dua pihak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan ahli IMO sejak tahun 1971 dan mula menduduki kerusi Majlis International Maritime Organization (IMO) bagi kategori C pada tahun 2005. Sejak dari itu, Malaysia telah menduduki kerusi Majlis IMO buat 8 penggal berturut-turut sehingga penggal yang terbaru iaitu penggal 2020 - 2021.

Kategori C dianggotai oleh 20 negara yang mempunyai kepentingan di dalam perdagangan melalui pengangkutan laut atau perkhidmatan perkapalan yang mana negara-negara berkenaan mewakili kawasan geografi utama dunia.

Malaysia telah memperolehi pelbagai faedah semenjak dipilih sebagai Ahli Majlis IMO bagi Kategori C terutama dalam memastikan kepentingan sektor maritim negara sentiasa diambil kira dalam proses penetapan keputusan dan penentuan perkara-perkara teknikal berkaitan keselamatan kapal, keselamatan pelayaran, pengoperasian kapal serta pencegahan pencemaran marin.

Dalam hubungan ini, Malaysia telah menggunakan kedudukannya sebagai Ahli Majlis bagi menyuarakan pendapat serta pendirian Malaysia dalam pembentukan dasar-dasar maritim global yang dikelolakan oleh IMO bagi memastikan kepentingan negara dalam aspek keselamatan pelayaran (*safety and security*), perlindungan alam sekitar marin dan kepentingan komersial seperti industri perkapalan dan pelabuhan sentiasa diberi perhatian dan dipelihara.

SOALAN NO. 64

Memandangkan aktiviti maritim perairan sekitar Malaysia yang sibuk, aspek pematuhan kepada konvensyen antarabangsa telah diberikan perhatian utama bagi memastikan penguatkuasaan dan standard dipatuhi. Sehingga kini, Malaysia telah meratifikasi 26 konvensyen IMO yang antara lain melibatkan peranan pihak berkuasa pelabuhan-pelabuhan dan penguatkuasa kawal selia aktiviti maritim.